

DYNA CLOXACILLIN CAPSULE

Cloxacillin Sodium (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Cloxacillin Capsule
2. Bagaimana Dyna Cloxacillin Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule
4. Cara menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule
5. Semasa menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Cloxacillin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Cloxacillin Capsule

Dyna Cloxacillin Capsule digunakan untuk merawat jangkitan disebabkan oleh bakteria yang tahan lasak, termasuk

- Jangkitan kulit dan tisu lembut
- Tulang dan sendi
- Saluran pernafasan dan saluran kencing
- Media otitis
- Keradangan pada lapisan dalaman jantung
- Keracunan darah
- Keradangan pada membran sekeliling otak dan saraf tunjang.

Bagaimana Dyna Cloxacillin Capsule berfungsi

Cloxacillin adalah antibiotik anti bakteria yang menghalang sintesis dinding sel bakteria.

Sebelum menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Dyna Cloxacillin Capsule jika anda hipersensitif kepada Cloxacillin atau mempunyai sejarah alahan terhadap kumpulan Penicillin. Jika ruam kulit berlaku, rawatan perlu dihentikan.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Dyna Cloxacillin Capsule jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Dyna Cloxacillin Capsule jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule

Beritahu doktor jika anda mempunyai fungsi buah pinggang terjejas, hipersensitif kepada mana-mana Penicillin lain atau Cephalosporin atau Penicillamine.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Probenecid melemahkan penyingkiran oleh buah pinggang dan mengurangkan kesan antipembekuan.

Cara menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 250 – 500 mg setiap 6 jam sehari.

Kanak-kanak: 50- 100 mg per kg berat badan sehari dalam dos yang dibahagikan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil ubat dengan perut yang kosong.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Cloxacillin Capsule untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Individu perlu teruskan penggunaan ubat untuk rawatan yang penuh.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil

dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gangguan gastrousus, fungsi hati terjejas berbalik dan cirit-birit.

Semasa menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Cloxacillin Capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Cloxacillin Capsule kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor / ahli farmasi anda jika ruam kulit berlaku. Pengurangan dos adalah perlu kepada individu dengan masalah fungsi buah pinggang.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dyna Cloxacillin Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

DYNA CLOXACILLIN CAPSULE

Cloxacillin Sodium (250mg, 500mg)

Kesan-kesan sampingan seperti cirit-birit, loya dan pedih ulu hati boleh berlaku dengan pengambilan melalui mulut. Tindak balas sensitiviti boleh berlaku kepada individu hipersensitif kepada ubat. Kesan-kesan sampingan yang biasa berlaku adalah reaksi alergi dan daripada ini, ruam kulit adalah paling kerap berlaku.

Dyna Cloxacillin Kapsul boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Dyna Cloxacillin Kapsul dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut: kemerahan pada kulit, melepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (CONSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Cloxacillin Capsule

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering di bawah 30°C

Lindungi dari cahaya

Jauhi ubat daripada kanak-kanak

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Dyna Cloxacillin Capsule 250mg
Oren/kapsul hitam gelatin keras bersaiz "2" dengan granul putih.

Dyna Cloxacillin Capsule 500mg
Amethyst/kapsul hitam gelatin keras bersize "0" dengan granul putih dan bertanda 'DYNA' dan logo syarikat.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Cloxacillin Sodium

- Bahan tidak aktif
Dyna Cloxacillin Capsule 250mg
Lactose Powder 200 Mesh, Magnesium Stearate, Corn Starch

Dyna Cloxacillin Capsule 500mg
Lactose Powder 200 Mesh, Magnesium Stearate

- Nombor MAL

Dyna Cloxacillin Capsule 250mg
MAL19930225AZ

Dyna Cloxacillin Capsule 500mg
MAL07090901AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/03/2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)240418/00120